

ZAKAT : INSTRUMEN PENTING MENSTABILKAN EKONOMI

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMBENTANGAN Kertas Kerja Perdana II oleh Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Abdullah.

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYC 2021

BERAKAS, Sabtu, 5 Jun. - Zakat merupakan salah satu Rukun Islam yang ada berkaitan hubungan di antara manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan manusia dengan manusia (*diniyyah* dan *maliyyah*).

Manakala bagi sosioekonomi, ia berkaitan dengan aktiviti ekonomi dan tingkah laku sosial dalam masyarakat dan kemasyarakatan.

Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Abdullah menggariskan perkara tersebut ketika membentangkan Kertas Perdana II, yang bertajuk 'Memperkasakan Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat : Isu dan Cabaran Kontemporari', pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh Al-Zakat di sesi sebelah petang, yang diadakan secara maya, di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Justeru, dalam mengupas tajuk Kertas Kerja hari ini, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman menyatakan, kita perlu melihat daripada perspektif dua pemain utama zakat, iaitu pembayar zakat dan penerima zakat atau dari sudut pembayaran dan pengagihan zakat.

Ini, jelasnya, termasuklah mengenai kesan pembayaran dan pengagihan zakat untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi juga tingkah laku sosial yang positif.

Menurutnya, zakat merupakan salah satu institusi dalam Islam yang bersifat bantuan pada sektor yang memerlukan dalam masyarakat, iaitu lapan asnaf.

Kedudukan institusi ini, tegasnya, sangat penting dalam Islam kerana ia bersifat Rukun Islam bagi setiap Muslim untuk mengeluarkan sebahagian hartanya kepada asnaf yang berkaitan. Jika institusi ini berjalan dengan sempurna dan cekap, sudah tentu akan membantu dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam.

Yang Berbahagia, seterusnya menjelaskan, lapan asnaf yang ditentukan dalam Al-Quran sebagai penerima zakat merupakan sektor-sektor utama dalam masyarakat yang perlu dibantu dan jika berjaya, maka terbentuklah struktur sosial yang tersusun dan

membawa masyarakat Islam ke arah yang lebih membangun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada persidangan tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Persidangan yang diadakan di Dewan Musyawarah itu diteruskan dengan pembentangan Kertas Utama I, disampaikan oleh Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin dengan tajuknya 'Persepsi dan sikap asnaf fakir miskin terhadap zakat di Negara Brunei Darussalam'.

Dalam pembentangannya, Dr. Hajah Mas Nooraini menyatakan, bahawa zakat merupakan salah satu instrumen kewangan Islam yang mampu menstabilkan ekonomi dalam mengatasi masalah kemiskinan. Secara ringkasnya, zakat ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat.

Peningkatan penerima zakat dari tahun ke tahun, tambahnya, membuktikan misi zakat belum tercapai. Timbul persoalan adakah pihak pengurusan zakat tidak berhasil dalam menjayakan misinya atau adakah terdapat faktor *internal* daripada penerima yang menyumbang ke arah kegagalan institusi zakat.

Persidangan diselenggarakan dengan pembentangan enam kertas kerja selari, masing-masing dibentangkan oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA, Dr. Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, yang membincangkan tajuk 'Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin : Kaedah Pengukuran Komprehensif Moden Dari Perspektif Tasawwur Islam'.

Dr. Haji Abdul Nasir menggariskan, kewajipan mengeluarkan zakat merupakan satu perintah Ilahi yang mempunyai tujuan kudus mencakupi konsep 'Ubudiyah dan Insaniyyah'.

Perbincangan mengenai Fiqh Al-Zakat sudah banyak ditulis di dalam buku-buku Fiqh oleh ulama silam dan ulama kontemporari, namun terangnya, tulisan mengenai penilaian terhadap keberkesanan agihan zakat menggentas kemiskinan adalah amat sedikit dan sukar diperolehi.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (depan, dua dari kanan) semasa hadir pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh Al-Zakat pada sesi sebelah petang.

Sungguhpun ada tambahnya, penilaian lazimnya berdasarkan kepada pendekatan Teori Pendapatan (Theory of Income) dan Teori Pertumbuhan Ekonomi (Theory of Economic Growth) yang dipelopori oleh pemikir barat dan jarang sekali pula ditemui penilaian yang disandarkan pada 'tasawur Islami'.

Bukan itu sahaja, peranan zakat terangnya, sebagai salah satu instrumen penting menggentas kemiskinan dalam Islam tidak

mungkin dapat diungkap dengan jelas dan tepat tanpa disandarkan pada pemikiran yang juga beracukan Islam.

Ini, diikuti dengan pembentangan daripada Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Malaysia, Yang Berbahagia Ustaz Haji Mustapahayuddin bin Abdul Khalim.

Dalam pembentangannya bertajuk 'Bantuan Zakat Pasca Pandemik COVID-19 dalam

Kalangan Asnaf Fi Sabilillah Di Timur Tengah : Kajian Kes di Majlis Agama Islam Negeri Johor' menerangkan, bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) merupakan pusat pungutan dan agihan zakat yang diiktiraf oleh kerajaan dan masyarakat di negeri Johor.

Terangnya, sebanyak 41.25 peratus peruntukan Asnaf Fisabilillah daripada hasil kutipan zakat pada tahun 2020 diagihkan kepada pelajar Johor yang belajar di Timur Tengah.

Namun begitu, MAIJ ujarnya lagi, menghadapi masalah untuk mengenal pasti penggunaan wang bantuan zakat yang disalurkan kepada pelajar untuk bantuan sara diri, bantuan kecemasan, bantuan bayaran yuran dan kitab rujukan. Kajian yang dilaksanakan mendapati tiga pola utama penggunaan wang zakat, iaitu sara hidup (belanja makan minum), keperluan pendidikan dan membantu keluarga.

Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh Al-Zakat akan diteruskan lagi pada Isnin, 7 Jun 2021. Orang awam adalah dijemput dan dialu-alukan untuk menghadiri persidangan tersebut.

Bagi maklumat dan pertanyaan lanjut mengenai persidangan ini, boleh menghubungi Setiausaha Bersama persidangan melalui talian +673 8623827.

Pengurusan zakat terus relevan, signifikan



PROFESOR Madya Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dan Dr. Ahmad Yunus antara yang membuat pembentangan (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BERAKAS, Sabtu, 5 Jun. - Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh Al-Zakat (PAPFIZ) pada hari pertama sebelah pagi memperdengarkan sebanyak enam pembentangan Kertas Kerja selari bertempat di Dewan Musyawarah dan Dewan Utama Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Para pembentang, terdiri daripada Pemangku Penolong Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh; Ketua Program Perbankan Islam Universitas Islam Malang (UNISMA), Indonesia, Yang Berbahagia Penolong Profesor Harun Alrasyid; Profesor Madya Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Madya Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi; Profesor Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Profesor Dr. Ali Sayed Abdel Hamed Youseff El-Syimi; Penolong Profesor Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Dr. Ahmad Yunus dan Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang,



UNISSA, Dr. Cecep Soleh Kurniawan.

Dalam pembentangannya bertajuk 'Zakat Emas Perhiasan Wanita', Pemangku Penolong Ra'es KUPU SB, Datin Dr. Hajah Noor Hira menjelaskan ada sebahagian masyarakat Islam mempunyai persepsi yang mana barang perhiasan daripada emas tidak dikenakan zakat sekiranya ia dipakai sebagai perhiasan wanita.

Namun, sebenarnya zakat emas perhiasan merupakan salah satu dari zakat harta yang wajib ke atas umat Islam jika ia melebihi nisab.

Kewajipan ini jelasnya ditetapkan berdasarkan Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Emas ditempah dan dijadikan sebagai barang kemas wanita, perhiasan dan lambang kemegahan bagi pemilikinya.

Mutakhir ini, emas mula mendapat tempat sebagai alat mendapatkan keuntungan pelaburan dengan pemilihan berbentuk jongkong, syiling dan akaun pelaburan. Maka, syariah

menganggap emas adalah sumber kekayaan yang berkembang dan kerana itu ia wajib dikenakan zakat apabila pemilikannya melebihi nisab.

Oleh itu, kajian ini, terang Datin Dr. Hajah Noor Hira, bertujuan untuk mengetahui kesahihan bahawa emas perhiasan wanita wajib dikenakan zakat dan mengenal pasti emas perhiasan yang wajib dikeluarkan zakatnya sama ada berdasarkan nisab atau kadar 'uruf' setempat. Kajian ini juga mengandungi dan mengetengahkan pendekatan cara pengiraan zakat emas perhiasan di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditetapkan oleh Fatwa Mufti Kerajaan.

Sementara itu, Profesor Madya Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dalam pembentangan bertajuk 'Perlaksanaan Zakat Perniagaan Mengikut Tatacara Pembayaran Cukai Perniagaan Dalam Sistem Kewangan Negara : Bolehkah?' berkata bahawa suatu nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion adalah merupakan pendapatan yang telah ditetapkan oleh syarak untuk dikenakan zakat, 'Urud al-Tijarah atau Zakat Perniagaan'.

Menurutnya, perniagaan terdiri daripada milikan tunggal / bekerja sendiri (individu yang menjalankan perniagaan secara perseorangan); perkongsian yang meliputi sebarang bentuk kerjasama antara dua atau lebih pihak bagi menyatukan hak, kuasa, tenaga kerja atau kemahiran dalam menjalankan perniagaan dan mewujudkan perkongsian keuntungan. Perkongsian mungkin wujud di antara individu-individu; dua syarikat; individu dan syarikat; individu dan pemegang amanah bagi sesuatu penyelesaian.

>> Muka 14